

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah cadangan dan status pindaan kepada Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan bilakah ia akan dibentangkan di Dewan Rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan berpandangan bahawa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) [Security Offences (Special Measures) Act, SOSMA] 2012 masih relevan dan penting bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih memerlukan undang-undang sedemikian bagi membanteras dan membendung ancaman-ancaman keselamatan seperti pengganas dan juga sindiket jenayah terancang.

Walaupun begitu, Kementerian komited untuk menambahbaik undang-undang keselamatan tersebut dari semasa ke semasa bagi memastikan keamanan dan keselamatan Negara sentiasa terpelihara.